


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

05 OGOS 2016
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
KOSMO	KONVOI 33 KERETA DENGAN BENDERA IRINGI PASAGAN PENGANTIN	2
THE STAR	PATRIOTIC SPIRIT	3
SINAR HARIAN	BIO DESARU ROBAH PERTANIAN NEGARA	4



KOSMO

Konvoi 33 kereta dengan bendera iringi pasangan pengantin

KOSMO 5/8/16



KANDAPAN (kiri) dan sahabat baiknya, Satayasila Raja Gopal bergambar bersama kendaraan miliknya yang dihiasi dengan 3,000 bendera Malaysia dan negeri Johor di rumahnya di Seri Alam, Johor Bahru semalam.

JOHOR BAHRU – Setiap kali tibanya bulan kebangsaan, M. Kandapan antara individu yang paling gembira dan bertungkus lumus membuat persiapan menyambut hari bersejarah itu.

Kali ini, sambutan lebih bermakna buat ahli perniagaan itu kerana dia meraikan perkahwinan anak lelakinya yang juga seorang doktor pada konvoi kemerdekaan sempena sambutan Hari Malaysia, 16 September ini.

“Sebanyak 33 kereta dan 26 motosikal akan dihiasi bendera negeri serta Jalur Gemilang akan mengiringi pasangan pengantin sekitar bandar raya Jo-

hor Bahru. Konvoi akan berakhir di sebuah dewan di Johor Jaya,” kata bapa berusia 56 tahun itu ketika ditemui Bernama di sini semalam.

Meskipun terpaksa mengelarkan perbelanjaan yang besar untuk menghiasi rumah dan kenderaan dengan Jalur Gemilang dan bendera negeri, Kandapan berkata, wang yang dikeluarkan itu tidak dapat membayar harga kecintaannya yang sangat besar terhadap Malaysia dan negeri Johor.


Bermula pada 2002, beliau menghias rumah dan dua buah keretanya dengan pelekat berwajah pemimpin negara dan

bendera negara serta negeri Johor.

Sehingga kini terdapat lebih 3,000 bendera Malaysia dan bendera 14 negeri diletakkan di atas bumbung rumahnya yang tidak pernah dicabut.

Namun, ia diganti baharu setiap kali tibanya bulan kebangsaan dan bersempena Hari Keputeraan Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar pada setiap 23 Mac.

Selain memasang bendera di kediamannya, beliau turut memasang lebih 100 bendera besar di jalan utama masuk ke kediamannya.



THE STAR



SINAR HARIAN

OK 5/8/16

Bio Desaru robah pertanian negara

Sasar jumlah pelaburan RM1.6 bilion menjelang 2017, bakal wujudkan 4,000 peluang pekerjaan

KOTA TINGGI - Pembangunan Bio Desaru Lembah Makanan Organik seluas 3,600 hektar yang dijangka siap menjelang 2020 bakal membawa transformasi dalam pembangunan sektor pertanian negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Bio Desaru mensasarkan jumlah pelaburan merangkumi projek komited dan projek dalam tindaklanjut sebanyak RM 1.6 bilion menjelang 2017 dan bakal mewujudkan kira-kira 4,000 peluang pekerjaan.

"Kerajaan negeri memberi perhatian serius kepada soal penghasilan makanan sebagai hadapan cabaran ketidakstabilan makanan. Sebab itu kita beri perhatian dengan menyediakan tanah yang luas ini."

"Kita bukan sahaja melihat keperluan tanah untuk pembangunan lain tetapi me-

nysediakan keperluan tanah yang besar semata-mata untuk bidang pertanian bagi menghasilkan makanan."

"Ramai terlibat dalam pertanian tidak memberi manfaat yang baik lebih-lebih lagi kerana ia tidak gunakan teknologi dan sebagainya. Bio Desaru satu kawasan yang kita sediakan diharap dapat membawa transformasi dalam pembangunan sektor pertanian negara, yang mana ia memberi perhatian dalam soal penggunaan teknologi dan teknik pertanian," katanya.

Tambah Mohamed Khaled, para pelabur yang terlibat dengan pembangunan Bio Desaru perlu menggunakan kaedah terbaharu serta teknologi untuk menghasilkan secara maksimum hasil pertanian mereka.

"Kita nak buktikan per-

nyertaan dan pelaburan dalam bidang pertanian ini ada manfaatnya jadi produk dilaburkan mestilah berdasarkan teknologi dan inovasi."

"Sebab itu kita menjadikan asas kita perkara-perkara yang ada berkaitan bio seperti bio pertanian, bio aquakultur dan bio termakan. Sebab itu juga lah kita lancarkan buku ga-



Mohamed Khaled (tiga, kiri) melancarkan Buku Garis Panduan Bio-Keselamatan Bio Desaru Edisi Kedua di Bio Desaru, semalam.

ris panduan Bio-Sekuriti Bio Desaru jika tidak menebat pada buku itu maka tidak lulus sebagai produk organik," kata dia lagi.

Jelasnya lagi, dengan wujudnya pembangunan Johor Halal Park di Cahaya Baru, Pasir Gudang akan

mengelaki kesinambungan rantai Bioekonomi Johor sebagai pusat Bio-pemprosesan serta makmal dan perkhidmatan halal, selain turut berperanan menambah nilai pembangunan Bio Desaru.

Terdahulu pada majlis itu, Mohamed Khaled turut me-

nyaksikan pertukaran perjanjian usaha sama BDSB bersama lima syarikat lain.

Pada majlis sama beliau turut melancarkan Buku Garis Panduan Bio-Keselamatan Bio Desaru Edisi Kedua yang akan digunakan sebagai panduan kepada semua pelabur.

